

**UNTUK SIARAN SEGERA**



**PEJABAT MENTERI PENDIDIKAN**

**KENYATAAN MEDIA**

**SEKOLAH TERBAKAR: KPM BERTUMPUAN KEPADA ASPEK KESELAMATAN, KEBAJIKAN DAN KESEJAHTERAAN WARGA SEKOLAH**

Susulan insiden kebakaran SMU(A) Darul Ulum Al-Muhammadiyah di Bachok, Kelantan petang semalam, Kementerian Pendidikan (KPM) telah mengambil beberapa langkah segera bagi memastikan keselamatan, kebajikan dan kesejahteraan murid, guru serta seluruh warga sekolah berkenaan terpelihara.

Pada waktu ini, premis sekolah telah dikosongkan bagi membolehkan penilaian keselamatan dilaksanakan. Guru dan murid melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sepanjang minggu ini.

KPM bersetuju memperuntukkan RM100,000 bagi tujuan kerja pembersihan dan pembaikan asas termasuk pendawaian elektrik dan penyambungan bekalan air di sekolah berkenaan bagi membolehkan sekolah beroperasi semula.

Pasukan kaunselor dari Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kelantan telah turut digerakkan bagi melaksanakan program sokongan psikososial kepada semua murid, guru dan warga sekolah yang terjejas.

**TAMAT**

**FADHLINA SIDEK**  
**MENTERI PENDIDIKAN**  
**13 APRIL 2026**